

Sinar Harian 7/3/2020

M/S 25

Abd Malek
(kanan)
bersama
Shamsul
Ridzuan
melepaskan
ikan patin dan
ikan liko untuk
pertandingan di
Tasik YDP, Ahad
ini.



RM24,000 menanti kaki pancing di Tasik YDP, Slim River

SLIM RIVER - Ikan patin seberat 5.5 kilogram (kg) antara spesies ikan yang akan menjadi rebutan kaki-kaki pancing sempena Cabaran Memancing Igloo 2020 di Tasik Yang Diperluka (YDP) di sini Ahad ini.

Pengerusi Eksekutif UFL Sdn Bhd, Datuk Abd Malek Noor berkata, pertandingan memancing itu merupakan edisi kedua yang dianjurkan oleh pihak UFL-Igloo Malaysia.

Menurutnya, bagi tujuan itu, lebih 500kg ikan pelbagai spesies telah dilepaskan sebagai komitmen penganjur dalam Cabaran Memancing Igloo 2020 kali ini.

"Penganjuran Igloo Fishing Competition 2020 kali ini diadakan di Tasik YDP, Slim River yang dijangka

disertai lebih 1,000 peserta dari seluruh negara dan saya percaya acara ini akan berlangsung dengan jayanya," katanya selepas Majlis Pelepasan Ikan di tasik itu bersama Pegawai Daerah Muallim, Shamsul Ridzuan Idris di sini semalam.

Abd Malek berkata, hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM24,000 menanti peserta dalam pertandingan memancing tersebut.

"Yuran penyertaan RM60 bagi satu joran dua mata," katanya.

Katanya, maklumat lanjut mengenai program boleh layari laman Facebook, **beritapancingmalaysia** atau hubungi urus setia di talian **013-266 7011**, **012-3554946** dan **012-284 6811**.